# PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI

*ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)*

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

*DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES SARAWAK (DVS SARAWAK)*

KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN, TANAH ADAT DAN PEMBANGUNAN WILAYAH

*MINISTRY OF MODERNIZATION OF AGRICULTURE, NATIVE LAND AND REGIONAL DEVELOPMENT (MANRED)*

KATAKAN **TIDAK** KEPADA RASUAH

*SAY **NO** TO CORRUPTION*

*"Perkasakan Integriti, Hindari Rasuah, Bermula Dari Anda"*





*An*
*Honour To Serve*

*Bersatu Berusaha*
*Berbakti*

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK 2021**

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang dapat diterbitkan semula atau digunakan dalam bentuk apa pun dengan cara apa pun, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau oleh sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat, tanpa izin secara bertulis dari penerbit.

**2021. HAK CIPTA JPVS.**

# *dedikasi*

*Kami mendedikasikan buku OACP JPVS ini* kepada warga veterinar, *rakan sekerja, pemegang-pemegang taruh, dan kepada mereka yang mengenali kami menjadikan hidup ini lebih berintegriti.*

# ISI KANDUNGAN


| | ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | **PERUTUSAN TERTINGGI** | **1** |
| | Amanat Timbalan Ketua Menteri (MANRED) | 2 |
| | Amanat Setiausaha Tetap (MANRED) | 3 |
| | Amanat Pengarah Veterinar Negeri | 4 |
| | Penyataan Komitmen | 5 |
| | Ringkasan Eksekutif | 8 |
| | Akronim | 9 |
| **BAB 1** | **MUKADIMAH JPVS** | **11** |
| | Latar Belakang JPVS | 12 |
| | Visi & Misi | 16 |
| | Peranan & Fungsi JPVS | 17 |
| | Nilai Teras Jabatan | 18 |
| | Objektif Strategik JPVS | 19 |
| | Sejarah Penubuhan Dasar OACP Nasional | 20 |
| **BAB 2** | **PENGENALAN OACP JPVS** | **23** |
| | Senario Rasuah Dalam Jabatan | 25 |
| | Pelaksanaan Pencegahan Rasuah | 26 |
| | Analisa Penilaian Risiko | 28 |
| | Bidang Keutamaan Berisiko | 30 |
| **BAB 3** | **KERANGKA OACP JPVS** | **33** |
| | Visi & Misi OACP JPVS | 34 |
| | Matlamat OACP JPVS | 34 |
| | Bidang Keutamaan & Strategi | 35 |
| | Analisa Kuadran & Inisiatif Utama | 36 |
| **BAB 4** | **BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN** | **39** |
| | Pentadbiran Dan Sumber Manusia | 40 |
| | Kewangan Dan Perolehan | 43 |
| | Penguatkuasaan | 46 |
| | Pelesenan Dan Permit | 48 |
| | Pembangunan Industri Ternakan | 50 |
| | Pengurusan Makmal | 52 |
| **BAB 5** | **TADBIR URUS OACP** | **53** |
| | Mekanisme Pelaksanaan | 54 |
| **BAB 6** | **PENGGULUNGAN** | **61** |
| | Kesimpulan | 62 |
| | Jawatankuasa Pembangunan OACP JPVS | 63 |
| | Sidang Editorial | 64 |
| | Sekalung Budi | 66 |
| | Galeri OACP JPVS | 73 |

# PERUTUSAN
# TERTINGGI



# *Amanat Timbalan Ketua Menteri*

Menteri Kewangan II, Menteri Pemodenan Pertanian,
Tanah Adat Dan Pembangunan Wilayah

Salam Ibu Pertiwiku dan Salam Sejahtera.

Saya bersyukur kepada tuhan dengan limpah kurnia-Nya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) 2021-2025. OACP JPVS 2021-2025 ini merupakan dokumen dasar anti-rasuah di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan *governans*, integriti dan anti-rasuah dalam kalangan warga Veterinar Sarawak. Selaras dengan aspirasi nasional ini, setiap warga JPVS perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam sebagai entiti awam yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. OACP JPVS 2021-2025 ini menekankan mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Besar harapan saya agar OACP ini dapat dijadikan rujukan komprehensif kepada semua warga JPVS dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah dalam menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.



**YANG BERHORMAT**
**DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS**

# *Amanat Setiausaha Tetap*

Kementerian Pemodenan Pertanian,
Tanah Adat Dan Pembangunan Wilayah

Salam Sarawakku Sayang dan Salam Sejahtera,

Bersyukur saya kepada-Nya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) berjaya membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) JPVS 2021- 2025. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. Inisiatif yang telah digariskan ini melambangkan hasrat dan usaha Jabatan secara kolektif untuk memastikan JPVS dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Pelan OACP ini menyatukan semua usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang merupakan salah satu impian saya. Saya menyeru semua pihak khususnya warga Veterinar Sarawak untuk menggembleng tenaga serta berganding bahu untuk menjadikan jabatan ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Janganlah sesekali kita mengikuti perbuatan mahupun perkara lain yang akan membawa kerosakan, seterusnya menghalang kita daripada mencapai kejayaan dan kemajuan. Marilah kita bersama bersatu-padu untuk terus membina sebuah Jabatan yang maju dan makmur, agar lebih berdaya saing, bersih dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.



**YANG BERBAHAGIA**
**ENCIK EDWIN ABIT**

# *Amanat Pengarah*

Perkhidmatan Veterinar Sarawak
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak

Salam Ibu Pertiwiku dan Selamat Sejahtera,

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menggembleng tenaga dalam menghasilkan *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) 2021-2025 sehingga ia berjaya direalisasikan. OACP ini adalah hasil daripada bengkel, percambahan fikiran dan perbincangan yang telah dijalankan di peringkat jabatan untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek. Saya berharap agar semua pihak dapat melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah diwujudkan secara berterusan agar penyampaian perkhidmatan yang diberikan senantiasa telus, bertanggungjawab dan diyakini oleh masyarakat. OACP JPVS 2021-2025 ini adalah merupakan panduan dan petunjuk arah kepada warga Veterinar dalam mendukung aspirasi Kerajaan bagi memastikan organisasi JPVS dikenali dengan integriti yang tinggi. Seluruh warga Veterinar perlu komited membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan serta penghayatan nilai-nilai murni. Saya percaya OACP JPVS ini akan dapat membantu kita dalam memastikan enam bidang keutamaan serta 71 inisiatif yang dirancangkan dapat dicapai berlandaskan elemen integriti, anti-rasuah dan tadbir urus yang baik.

Sekian, terima kasih.



**YANG BERUSAHA**
**DR. ADRIAN SUSIN AMBUD**

# PENYATAAN KOMITMEN



**DR. STEPHEN GABRIEL**
TIMBALAN PENGARAH
KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN



**DR. SAJEM JINIM**
TIMBALAN PENGARAH
PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

Pelan Anti-Rasuah Organisasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (OACP JPVS) merupakan sebuah pelan menumpukan risiko-risiko yang berlaku dan akan berlaku dalam JPVS serta inisiatif-inisiatif yang boleh diambil bagi menangani risiko yang diutarakan.

JPVS telah menjalankan sesi percambahan fikiran (*brainstorming*) yang merangkumi pelbagai fungsi dalam JPVS. Sesi ini disertai oleh pelbagai lapisan warga JPVS bagi mengenal pasti kelemahan yang ada pada JPVS serta inisiatif dan tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi kelemahan yang ada bagi menutup ruang dan peluang rasuah serta salah laku integriti.

Dengan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan, kami komited untuk memastikan segala inisiati-inisiatif ini dijalankan dan seterusnya membawa nama JPVS sebagai salah satu agensi yang terkenal kerana integritinya. Oleh itu, Jabatan menyeru warganya bersama-sama berusaha untuk mencapai hasrat ini.

# PENYATAAN KOMITMEN



*"Sebab utama berlakunya rasuah adalah budaya kerahsiaan dengan kurangnya ketelusan, dan organisasi yang lemah dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam."*

**DR. WILLIAM ROVINA NATING**
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN



*"Rasuah tidak akan berlaku jika ada prinsip dan kekebalan. Itulah faktor mengapa rasuah berleluasa di semua peringkat, kerana kurangnya prinsip dan kekebalan."*

**MATHEW JENANG**
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN KOMERSIALISASI DAN KHIDMAT SOKONGAN



*"Semua orang mengatakan bahawa rasuah ada di mana-mana, tetapi inilah realitinya, bagi saya adalah daripada diri kita sendiri, sama ada hendak mendekati atau menjauhi."*

**DR. ANDREA LIM LI LI**
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN KESIHATAN HAIWAN



*"Di dunia ini, kepentingan hak dan martabat manusia, kebebasan dan keadilan dan peluang, kebencian terhadap penindasan dan rasuah adalah nyata."*

**DR. NICHOLAS JENEK**
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN KESIHATAN AWAM VETERINAR

# PENYATAAN KOMITMEN



*"Apabila anda melihat rasuah, apabila anda melihat ketidakadilan, anda bersuara. Anda tidak hanya diam dan mengatakan itu bukan urusan saya."*

**DR. CHUO HOCK TIENG**
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN REGULATORI



*"Sekiranya sebuah organisasi bebas rasuah dan menjadi organisasi yang mempunyai fikiran yang bersih, saya merasakan mutu kerja akan lebih efisien dan berkualiti."*

**CHIA CHEOK HUA**
KETUA PEGAWAI PENGUATKUASA
CAWANGAN PENGUATKUASAAN



*"Perjuangan untuk keadilan menentang rasuah tidak pernah mudah. Akan tetapi, pada saya, saya percaya, harga diri kita lebih bermakna dan senantiasa teguh untuk mempertahankannya."*

**HANIF BIN HANAPI**
PENOLONG PENGARAH
SEKSYEN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA



*"Tidak ada yang akan melindungi kita daripada gejala rasuah, kecuali kita sendiri yang belajar untuk melindungi diri. Fikiran yang bersih. Berani bersuara dan bertindak wajar."*

**HANNAH IMELDA FREDRICK**
AKAUNTAN
SEKSYEN KEWANGAN DAN AKAUN

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Anti-Rasuah Organisasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (OACP JPVS) merupakan sebuah pelan yang komprehesif bagi menjadikan JPVS sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah. Ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2018. Pelan ini adalah bagi jangka masa mulai 2021 sehingga 2025.

**BAB 1**

Merangkumi latar belakang JPVS; Visi dan Misi JPVS; dan dasar intergiti dan tadbir urus nasional. Melalui aspirasi dari Kerajaan termasuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, JPVS komited untuk menghasil OACP JPVS.

**BAB 2**

Menghuraikan situasi risiko rasuah yang berlaku pada masa sekarang dan yang akan berlaku pada masa akan datang. Selain itu, berpandukan buku *Managing Culture Change* (MCC),dan *Cognitive, Emotive and Behavior* (CEB) Model.

**BAB 3**

Menunjukkan kerangka OACP JPVS yang menunjukkan hala tuju OACP ini. Terdapat enam (6) bidang keutamaan, enam (6) strategi, lapan (8) objektif strategik dan 71 inisiatif. 17 inisiatif dipilih sebagai inisiaitif utama.

**BAB 4**

Menghuraikan 71 inisiaitif yang berjaya dikenalpasti yang berada di bawah enam (6) bidang keutamaan, iaitu Pentadbiran dan Sumber Manusia; Kewangan dan Perolehan; Penguatkuasaan; Pelesenan dan Permit; Pembangunan Industri Ternakan dan Pengurusan Makmal.

**BAB 5**

Menjelaskan mengenai tadbir urus OACP JPVS. Penyelarasn OACP JPVS dibuat melalui penilaian dan pemantauan setiap inisiatif. Hasil penilaian dan pemantauan akan dibawa ke dalam Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) JPVS untuk dibincangkan.

**BAB 6**

Menunjukkan komitmen yang diberikan oleh semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dan membangunkan OACP JPVS.

# AKRONIM

| | |
|---|---|
| **AAK** | ANAK AYAM KACUKAN |
| **AHIS** | ANIMAL HUSBANDRY IMPROVEMENT SCHEME |
| **AOP** | ANNUAL OPERATION PLAN |
| **APIS** | ASSISTANCE TO PIG IMPROVEMENT SCHEME |
| **BEP** | BUFFALO ENTREPRENEURSHIP PROGRAM |
| **CEB** | COGNITIVE, EMOTIVE AND BEHAVIOR |
| **CPP** | CATTLE PAWAH PROGRAMME |
| **CRM** | CORRUPTION RISK MANAGEMENT |
| **DLDC** | DIVISIONAL LIVESTOCK DEVELOPMENT COMMITTEE |
| **DUN** | DEWAN UNDANGAN NEGERI |
| **GTP** | GOVERNMENT TRANSFORMATION PROGRAMME |
| **HLDC** | HEADQUARTERS LIVESTOCK DEVELOPMENT COMMITTEE |
| **JAN** | JABATAN AUDIT NEGARA |
| **JAR** | JAWATANKUASA ANTI RASUAH |
| **JPVS** | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK |
| **LCU** | LIVESTOCK COMMERCIAL UNIT |
| **LFU** | LIVESTOCK FARM UNIT |
| **MANRED** | MINISTRY OF MODERNIZATION OF AGRICULTURE, NATIVE LAND AND REGIONAL DEVELOPMENT |
| **MCC** | MANAGING CULTURE CHANGE |
| **MPPT** | MANUAL PROGRAM PEMBANGUNAN TERNAKAN |
| **NACP** | NATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN |
| **NAP** | NATIONAL AGRO-FOOD POLICY |
| **OACP** | ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN |
| **PANS** | PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK |
| **PFA** | PIG FARMING AREA |
| **PIN** | PELAN INTEGRITI NASIONAL |
| **PIS** | POULTRY IMPROVEMENT SCHEME |
| **PTJ** | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
| **SCS** | SARAWAK CIVIL SERVICE |
| **SDES** | SARAWAK DIGITAL ECONOMY STRATEGY |
| **SOP** | STANDARD OPERATING PROCEDURE |
| **SP** | SEKRETARIAT PENYELARAS |
| **SPRM** | SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA |
| **UI** | UNIT INTEGRITI |
| **UNION** | UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI |
| **VPHO** | VETERINARY PUBLIC HEALTH ORDINANCE |
| **YELP** | YOUTH ENTREPRENEURSHIP LIVESTOCK PROGRAM |

# SARAWAK NEGERI MAJU BERINTEGRITI TINGGI MENJELANG 2030

"Saya akan pastikan kerajaan negeri meletakkan INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH SEBAGAI SALAH SATU KEUTAMAAN DALAM GERAK KERJA TAHUNAN"

**YAB Ketua Menteri Sarawak**
Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg

# BAB | 01
# MUKADIMAH JPVS



# LATAR BELAKANG
# SEJARAH PENUBUHAN




## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
## SARAWAK

Perkhidmatan Veterinar Sarawak bermula sebagai sebuah cawangan di Jabatan Pertanian Sarawak pada tahun 1953, iaitu Cawangan Penternakan. Untuk memantau perkembangan pembangunan ternakan, cawangan ini menjalankan beberapa tugas penting untuk meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ternakan dan kebajikan haiwan. Dengan jumlah staf yang sangat terhad, program atau aktiviti yang dijalankan adalah terhad kepada;

1. Program Pembangunan Ternakan seperti:
    a. AHIS (*Animal Husbandry Improvement Scheme*) - Skim Penambahbaikan Peternakan khas untuk ternakan ruminan
    b. PIS (*Poultry Improvement Scheme*) - Skim Peningkatan Ternakan Ayam
    c. APIS (*Assistance To Pig Improvement Scheme*) - Skim Bantuan Ternakan Khinzir
    d. YELP (*Youth Entrepreneurship Livestock Programme*) - Program Keusahawanan Ternakan Belia (Rancangan Malaysia Ke-9)
2. Pengembangan Ternakan termasuk memberi tunjuk ajar kepada penternak tentang kawalan penyakit, pengurusan ladang dan ekonomi ladang.
3. Perkhidmatan klinik dan ambulatori.






Cawangan itu kemudiannya diberi mandat untuk menjalankan peruntukan Akta Doktor Veterinar 1974 dan Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Makanan 1985. Ketua Cawangan Penternakan telah dilantik selepas penguatkuasaan Akta Doktor Veterinar 1974.

Cawangan ini telah dinaiktaraf ke Bahagian Veterinar pada tahun 2000 untuk melaksanakan peruntukan dalam Akta berikut;

- Akta Doktor Veterinar 1974
- Akta Makanan 1983 (Akta 281)
- Peraturan Makanan 1985
- Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999
- Akta Makanan Haiwan 2009
- Akta Kebajikan Haiwan 2015
- Dasar Agro-Makanan Kebangsaan (NAP) 2011 - 2020

Kemudiannya, Bahagian Veterinar mengubah langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ternakan dengan menggubal program pembangunan ternakan kepada;

1. **AAK (Anak Ayam Kacukan)** - Pemberian anak ayam kepada orang kampung dan rumah panjang.
2. **LFU (*Livestock Farm Unit*)** - Unit Ladang Ternakan dengan bantuan RM1,000 seunit.
3. **LCU (*Livestock Commercial Unit*)** - Unit Komersial Ternakan dengan Bantuan RM10,000 seunit.
4. **CPP (*Cattle Pawah Programme*)** - Dikhaskan kepada estet syarikat atau individu kelapa sawit. Bermula dengan ternakan lembu diedarkan secara pawah, kemudian ianya diperluaskan kepada ternakan kambing.
5. **BEP (*Buffalo Entrepreneurship Programme*)** - Program Keusahawanan Kerbau ini dikhaskan untuk penternak-penternak kerbau di Bahagian Limbang.

Pada 19 Mei 2016 kelulusan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak telah dipersetujui untuk melaksanakan fungsi teras dan tanggungjawab perkhidmatan. Kerja-kerja berkaitan cadangan untuk menubuhkan jabatan itu bermula tidak lama kemudian, dan pada 25 Januari 2017 Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah ditubuhkan.

# VISI

Industri Penternakan Maju Menjelang 2030.

*An Advanced Livestock Industry By 2030.*

# MISI

Mengubah Industri Ternakan Kearah Industri Yang Berdaya Saing Dan Mampan.

*Transforming The Livestock Industry Into A Competitive And Sustainable Industry.*

# PERANAN DAN FUNGSI

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

## PERANAN

Memajukan Kegiatan Sosio-ekonomi Ternakan & Komoditi

Menjaga Serta Melindungi Kesihatan Awam Veterinar

Meningkatkan Pengawasan Kesihatan Haiwan

Memelihara Pematuhan Ordinan Yang Berkesan

## FUNGSI

Mengawal, Mencegah Dan Menghapuskan Penyakit Haiwan Dan Zoonotik

Pengawalan Import Dan Eksport Ternakan Dan Hasilan Ternakan

Menjalankan Pemeriksaan Veterinar Dan Penguatkuasaan Veterinar

Pembangunan Industri Ternakan, Pembangunan Veterinar Dan Latihan

Penyelidikan Ternakan Dan Khidmat Nasihat

# NILAI TERAS JABATAN

Ini adalah kepercayaan asas dan prinsip Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak yang membantu Jabatan ini dalam menjalankan kewajipan. Nilai - nilai teras ini membantu Jabatan untuk menentukan hala tuju dalam mencapai VISI dan MISI Jabatan.

### INTEGRITI

Kualiti untuk sentiasa bersikap amanah, jujur dan mempunyai prinsip moral yang tinggi.

### SEMANGAT BERPASUKAN

Perasaan bangga dan setia dalam kumpulan kerja untuk mencapai kecemerlangan bersama.

### PROFESIONALISME

Menerapkan kualiti, kemahiran, kecekapan, dan tingkah laku yang tinggi oleh semua staf jabatan di tempat kerja.

### SIKAP BAIK HATI & EMPATI

Sentiasa bersikap baik dalam setiap perkara yang dilakukan, toleransi, kasih sayang, cinta, dan empati terhadap orang atau haiwan yang menderita kesakitan.

### PANTAS & BERPENDIRIAN

Merupakan dorongan dalaman dan keinginan untuk meneruskan pekerjaan dengan efektif dan pantas serta mempunyai pendirian memperakui organisasi.

### PRODUKTIF & BERMATLAMAT

Konsisten memberikan hasil yang diinginkan dan mematuhi piawaian kualiti kerja yang tinggi, produktif, mematuhi arahan, dan mengekalkan fokus agensi.

# OBJEKTIF STRATEGIK

# JPVS

Kecemerlangan Dalam Pembangunan
Industri Ternakan

Kecemerlangan Dalam Kesihatan
Veterinar Dan Pematuhan

Kecemerlangan Dalam Khidmat
Sokongan Dan Pengembangan Veterinar

# SEJARAH PENUBUHAN DASAR OACP NASIONAL

Kerajaan Persekutuan telah melakukan pelbagai usaha dan inisiatif bagi membasmi isu rasuah dan integriti dalam Malaysia. Pada tahun 2004, telah diperkenalkan Pelan Integriti Nasional, tahun 2008 diluluskan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2008 dan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tahun 2010 menyaksikan *Government Transformation Programme* (GTP) 1.0 dan tahun 2012 GTP 2.0. Pada tahun 2018, Kerajaan Persekutuan memperkenalkan *National Anti Corruption Plan* (NACP) yang mana digunapakai bagi tahun 2018-2022.

**2004**

**Pelan Integriti Nasional (PIN)**

**2008**

**Akta SPRM, 2008;**
**Penubuhan SPRM**

**2010**

**Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0**

**2012**

**Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0**

**2018**

**Pelan Antirasuah Nasional (NACP)**

Kerajaan Sarawak juga mengambil langkah yang sama dalam meningkatkan integriti dalam kalangan penjawat awam. Ini termasuklah menubuhkan Seksyen Disiplin dan Integriti di Unit Pengurusan Sumber Manusia pada tahun 2005.

Seterusnya pada tahun 2014, YAB Pehin Sri Datuk Patinggi Adenan bin Haji Satem telah melaksanakan *Integrity Pledge* dalam kalangan ahli Dewan Undangan Negeri (DUN), "*The Big Six in Timber Industry*" dan memperkukuhkan kapasiti agensi penguatkuasaan.

Pada tahun 2017, satu portfolio baharu telah diwujudkan iaitu Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) seterusnya membawa kepada penubuhan Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), Jabatan Ketua Menteri pada tahun 2018.



2005

Penubuhan Seksyen Disiplin dan Integriti, Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri

2014

*Integrity Pledge*

2017

Pengwujudan portfolio baharu Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman)

2018

Penubuhan UNION, Jabatan Ketua Menteri



# BAB | 02

# PENGENALAN OACP JPVS



# MENGHUBUNGKAN MASA KINI DENGAN MASA HADAPAN

*Sarawak Digital Economy Strategy* 2018-2022 (SDES) yang dilancarkan oleh Ketua Menteri YAB Datuk Patinggi Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg pada tahun 2017 telah menunjukkan hala tuju yang jelas kepada Kerajaan Negeri untuk mentransformasikan PANS kepada digital dan mengambil negara Estonia sebagai model.

Dalam strategi yang diperjelaskan dalam SDES turut menekankan sektor pertanian. Bagi mentransformasikan sektor pertanian, IoT telah diberi penekanan yang khusus antaranya ialah smart farming (*dairy production, computer assisted*) *Integrated Livestock Farming* dan *swiflet farming*.

Selari dengan strategi berkenaan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) telah mengambil langkah proaktif dalam membangunkan *PFA* yang moden dan lestari bagi menangani isu pencemaran serta sensitiviti masyarakat. *PFA* Pasir Puteh telah siap dan telah melihat kemajuan dalam eksport ternakan babi ke luar negara khususnya Singapura. Ia berjaya meningkatkan nilai eksport ternakan melebihi RM 100 juta setahun.

Pada masa yang sama, JPVS turut berusaha membangunkan beberapa PFA dan juga berkolaborasi dengan pemegang taruh untuk mempercepatkan transformasi ternakan di Sarawak.

Dengan adanya ekonomi digital sedemikian serta trend *Industrial Revolution 4.0* yang begitu rancak membolehkan Sarawak meningkatkan nilai pengeluaran industri ternakan dari RM 1.8 billion pada tahun 2020 sehingga RM 4.0 billion pada tahun 2030.

## SENARIO RASUAH DALAM JABATAN

*SCS Culture Change Rating* yang dijalankan pada setiap tahun menunjukkan markah bagi komponen Integriti ialah 84.08% bagi tahun 2020 menunjukkan masih ada ruang untuk menambahbaik komponen berkenaan.

Tanggungjawab JPVS dalam menguatkuasakan *Veterinary Public Health Ordinance*, 1999 (VPHO 1999) turut mengalami cabaran yang jelas. Berdasarkan *NACP*, bidang penguatkuasaan merupakan bidang yang berisiko selain dari bidang perolehan. JPVS mengalami cabaran yang jelas dalam membendung isu rasuah dan integriti dalam mengkuatkuasakan VPHO 1999.

Jabatan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan ternakan dan kesihatan veterinar dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 52.5 juta manakala Kerajaan Negeri memperuntukkan dana melebihi RM 200 juta bagi tempoh RMKe-12. Dana yang diberi harus dibelanjakan secara berhemah dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Walau bagaimanapun, hasil daripada penemuan audit pihak Jabatan Audit Negara (JAN) mendapati Manual Program Pembangunan Ternakan (MPPT) juga kurang dipatuhi oleh warga Jabatan. Terdapat kelemahan dari segi dokumentasi sepanjang pelaksanaan MPPT.

Pada masa yang sama, pihak JAN turut mengadakan audit ke atas program operasi rabies. Beberapa perkara telah ditegur berikutan urusan perolehan yang kurang mantap.

# PELAKSANAAN PENCEGAHAN RASUAH

Kerajaan Negeri menekankan enam (6) nilai bersama (*shared values*) di mana nilai integriti merupakan nilai pertama yang ditekankan di antara keenam-enam nilai berkenaan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menerbitkan buku *Managing Culture Change* (MCC) pada tahun 2018 telah menggariskan panduan untuk perubahan budaya dalam PANS. *CEB* Model telah digunapakai bagi menguruskan perubahan budaya.

## Aras 1: Kesedaran

Untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk menerapkan enam nilai bersama termasuk integriti ke dalam agensi.

Pada tahap ini, kempen kesedaran akan dilaksanakan seperti melaksanakan promosi *OACP* kepada semua peringkat dalam Jabatan dan menerangkan inisiatif yang akan dilaksanakan bagi memastikan keberhasilan dan kejayaan *OACP*.

## Aras 2: Intervensi

Untuk meningkatkan ke arah perubahan dalam pembudayaan enam nilai bersama ke dalam agensi.

Pada tahap ini memerlukan meningkatkan keinginan setiap pegawai dan kakitangan untuk berubah untuk menjadi lebih berintegriti.

## Aras 3: Pembudayaan

Untuk mengamalkan dan membudayakan enam nilai bersama di tempat kerja.

Pelbagai SOP yang lebih jelas yang menutup ruang dan peluang jenayah rasuah perlu diwujudkan. Tindakan punitif akan dikenakan kepada yang melanggar tatatertib tanpa unsur pilih kasih.

## Aras 4: Penilaian

Untuk menilai tahap perubahan budaya setelah inisiatif dilaksanakan.

Antara perkara yang dinilai ialah dari segi aduan dan ulasan daripada peneraju inisiatif. Boleh dilihat melalui *SCS Culture Rating Survey* dan *Customer Survey*.

# ANALISA
# PENILAIAN RISIKO

Semasa Bengkel Pembangunan *OACP* JPVS yang dijalankan pada 27-29 Januari 2021, pelbagai maklumat daripada pelbagai sumber telah diperolehi bagi mengenalpasti potensi risiko yang dapat menyumbang kepada ketirisan dan kelemahan dalam aspek *governans*, integriti dan antirasuah dalam JPVS. Antara sumber yang dimaksudkan ialah:-

Laporan audit dari JAN iaitu bagi pemerhatian audit pengauditan prestasi terhadap Program Pembangunan Ternakan Lembu dan perbelanjaan Program Operasi Rabies Sarawak bagi tahun 2019 dan 2020.

Laporan Inspektorat Perbendaharaan (*Treasury Inspectorate Report*) dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah JPVS bagi tahun 2019 berkaitan dengan pematuhan Arahan Perbendaharaan.

Maklumat tindakan tatatertib dari Unit Pengurusan Sumber Manusia, JPVS berkaitan dengan salah laku pegawai dan kakitangan JPVS.

Aduan berkaitan dengan integriti dan salah laku pegawai dan kakitangan samada melalui sistem talikhidmat, sosial media, surat dan emel. Aduan berkenaan datang daripada orang awam, agensi kerajaan dan pegawai atau kakitangan JPVS.

Analisa juga telah dijalankan melalui *Corruption Risk Management* (CRM) di mana beberapa risiko telah berjaya dikenalpasti dan dikategorikan mengikut bidang keutamaan.

Perancangan senario juga dibuat berdasarkan situasi semasa dan juga yang berlaku dalam JPVS. Perkara ini dibuat dengan merujuk salah laku rasuah yang sering berlaku di agensi lain dan berdasarkan pengalaman.

Setelah mengenalpasti risiko yang ada, enam (6) bidang keutamaan telah berjaya dikenalpasti.



## BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

Pada peringkat awal pembangunan *OACP* JPVS, hanya empat (4) bidang keutamaan berjaya dikenalpasti. Namun setelah mengadakan perbincangan terperinci, sebanyak enam (6) bidang keutamaan berjaya dikenalpasti. Penambahan bidang keutamaan adalah bagi mewujudkan fokus yang lebih terperinci kepada setiap risiko yang ada.

BIDANG KEUTAMAAN 1:
**PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA**

Meningkatkan kecekapan dan pengukuhan penyampaian maklumat dalam kalangan penjawat awam

Meningkatkan kecekapan & pengukuhan penyampaian maklumat dalam kalangan penjawat awam

Memperkasakan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga Jabatan

BIDANG KEUTAMAAN 2:
**KEWANGAN DAN PEROLEHAN**

Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan

Meningkatkan ketelusan perolehan, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa

BIDANG KEUTAMAAN 3:
**PENGUATKUASAAN**

Meningkatkan tadbir urus, kecekapan dan keberkesanan penguatkuasaan

Meningkatkan kewibawaan kakitangan Cawangan Penguatkuasaan

BIDANG KEUTAMAAN 4:
**PELESENAN DAN PERMIT**

Meningkatkan biosekuriti, mutu perkhidmatan dan mengawal selia industri ternakan

Memperkasakan dan meningkatkan ketelusan dan integriti dalam pengeluaran permit dan lesen

BIDANG KEUTAMAAN 5:
**PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN**

Meningkatkan pembangunan industri ternakan dengan lebih efisien

Memantapkan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) perkhidmatan pengurusan input ternakan

Memperkukuhkan kecekapan penyampaian dan ketelusan dalam perkhidmatan

BIDANG KEUTAMAAN 6:
**PENGURUSAN MAKMAL**

Memantapkan kualiti dan sistem pengurusan makmal

Memantapkan pemantauan operasi makmal serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan data

# BAB | 03
# KERANGKA OACP JPVS



# KERANGKA OACP JPVS

## VISI

Memacu pembangunan industri ternakan dan pematuhan kesihatan veterinar dengan penuh integriti dan bebas rasuah

## MISI

Memperkasakan sistem pengurusan dan penguatkuasaan melalui penerapan nilai integriti yang tinggi dan mewujudkan persekitaran bebas rasuah

## MATLAMAT

- Kecekapan khidmat pengurusan
- Akauntabiliti dan kredibiliti penguatkuasaan
- Integriti dalam penyampaian perkhidmatan

## BIDANG KEUTAMAAN

| Pentadbiran dan Sumber Manusia | Kewangan dan Perolehan | Penguatkua-saan | Pelesenan dan Permit | Pembangu-nan Industri Ternakan | Pengurusan Makmal |
|---|---|---|---|---|---|
| Meningkat-kan kecekapan & pengukuhan pemyam-paian maklumat di kalangan penjawat awam | Mempertin-gkatkan keberkesan-an dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan | Meningkat-kan tadbir urus, kecekapan dan kemahiran penguat-kuasaan | Meningkat-kan biosekuriti, mutu perkhid-matan dan mengawal selia industri ternakan | Meningkat-kan pemba-ngunan industri ternakan dengan lebih efisien | Memantap-kan kualiti dan sistem pengurusan makmal |

## STRATEGI

(The strategies are listed in the second row of the table above, one under each Bidang Keutamaan.)

| | |
|---|---|
| 6 | BIDANG KEUTAMAAN |
| 6 | STRATEGI |
| 8 | OBJEKTIF STRATEGIK |
| 71 | INISIATIF |

| JANGKA PENDEK (< 1 TAHUN) | JANGKA SENDERHANA (2-3 TAHUN) | JANGKA PANJANG (3-5 TAHUN) |
|---|---|---|
| 8 | 37 | 26 |

| BIDANG KEUTAMAAN | OBJEKTIF STRATEGIK | INISIATIF |
|---|---|---|
| PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA | 2 | 19 |
| KEWANGAN DAN PEROLEHAN | 1 | 15 |
| PENGUATKUASAAN | 1 | 13 |
| PELESENAN DAN PERMIT | 1 | 10 |
| PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN | 2 | 9 |
| PENGURUSAN MAKMAL | 1 | 5 |

# ANALISA KUADRAN




Analisa kuadran di atas menunjukkan sebanyak 17 inisiatif utama yang berjaya dikenalpasti daripada 71 inisiatif berdasarkan risiko rasuah yang berjaya ditemui. Analisa ke atas sebanyak 71 inisiatif berkenaan dibuat berdasarkan tahap impak dan kompleksiti sesuatu inisiatif yang akan dilaksanakan.

Sebanyak 9 inisiatif utama berada dalam Kuadran A, iaitu berimpak tinggi dan berkompleksiti rendah. Ini membawa maksud 9 inisiatif berkenaan adalah mudah untuk dilaksanakan dan dalam masa yang sama membawa impak yang mendalam ke atas JPVS.

Manakala 8 inisiatif utama yang selebihnya berada di bawah Kuadran B, iaitu berimpak tinggi dan berkompleksiti tinggi. Bagi melaksakan 8 inisiatif utama di bawah kuadran ini, tenaga yang lebih banyak diperlukan dan membawa impak yang lebih tinggi ke atas JPVS.

# INISIATIF UTAMA

| PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil.** | **Inisiatif** | **Kod** | **Kuadran** |
| 1 | Mengukuhkan pelaksanaan AOP | 2 | A |
| 2 | Mengaplikaskan teknologi dalam pengurusan aset hidup di stesen ternakan | 9 | A |
| 3 | Pemerkasaan dan penstrukturan semula Jabatan | 14 | B |
| 4 | Pelaksanaan pusingan tugas | 15 | A |

| KEWANGAN DAN PEROLEHAN | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil.** | **Inisiatif** | **Kod** | **Kuadran** |
| 5 | Melaksanakan audit dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara bahagian | 21 | A |
| 6 | Memperkukuhkan SOP pengurusan kewangan dan pengurusan perolehan | 25 | A |
